

| | | | |
|------------|---------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Kemahiran jana pendapatan | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 12 Dec 2013 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 173,387 |
| Page No | 8 | Readership | 699,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 422 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,417 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,251 |



④ MegaMode

Kemahiran jana pendapatan

Seramai 40 wanita menamatkan program TNT-MyKasih

USIA bukan alasan untuk tidak menambah ilmu pengetahuan. Ini dibuktikan oleh 40 wanita bergelar ibu yang sanggup meluangkan masa selama lima bulan bagi menamatkan kursus membuat kek sebelum disambung dengan kursus kefahaman kewangan yang berlangsung selama 10 bulan lagi.

Program yang diberi nama TNT-MyKasih Sayangi Jiran Anda, merupakan sebahagian daripada projek khidmat masyarakat (CSR) oleh TNT Express Malaysia (TNT) bertujuan membantu golongan tersebut menjana pendapatan melalui kemahiran yang dimiliki.

Peserta terdiri dari surirumah berusia antara 31 hingga 54 tahun dari keluarga berpendapatan rendah dan menetap di kawasan perumahan Desa Mentari, Kuala Lumpur.

Kumpulan wanita ini telah menerima bantuan bulanan berbentuk wang tunai bagi membeli bahan masak sejak April

tahun lalu.

Sepanjang kursus pembuatan kek, para peserta mendapat perkongsian ilmu daripada Chef Chooi Sim, pakar kek dari L&S Bakery.

Chooi Sim bukan sahaja mengajar cara membuat kek malah biskut, pizza dan pelbagai jenis roti. Peserta juga diajar teknik penjualan dan pemasaran yang berkesan.

Menerusi kursus kewangan pula, pengajar berharap agar peserta dapat belajar cara penyimpanan wang termasuk pengurusan kewangan peribadi.

Sementara itu Pengarah Urusan TNT Express Malaysia, **Chong Siang Chung**, berkata, tanggung jawab sosial hari ini bukan saja terhad kepada pemberian tunai mahupun cek kepada organisasi kebajikan.

"Ramai lagi orang di komuniti yang memerlukan dan kami di TNT percaya bahawa walaupun tidak berpendapatan tinggi mereka masih mampu berusaha



untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik."

"Lebih menarik, dalam setiap program tanggungjawab sosial ini penglibatan kakitangan TNT Express amat digalakkan supaya ia dapat memberi lebih impak kepada bantuan yang kami hulurkan," jelas Siang Chung pada majlis penyampaian sijil tamat kursus di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sementara itu salah seorang peserta **Sabariah Johor**, 54, tidak menganggap usia lanjut sebagai halangan untuknya menambah ilmu pengetahuan.

Ibu kepada tiga cahaya mata ini begitu teruja apabila kursus pembuatan kek yang diikuti itu telah membantunya menambah pendapatan.

"Alhamdulillah, saya sangat bersyukur ketika hari raya yang lalu saya berjaya membuat dan menjual biskut raya

SEBAHAGIAN daripada pelajar yang mengikuti kursus membuat kek dan bi skut sempena Program TNT-MyKasih Sayangi Jiran di Kuala Lumpur baru-baru ini.

dengan mendapat keuntungan melebihi RM1,000.

"Sebelum ini walaupun saya berjaya menyimpan duit tapi bila terdesak duit simpanan tersebut akan dikeluarkan. Kini setelah mengikuti kursus saya telah belajar bagaimana untuk menyeimbangkan perbelanjaan jadi bila tiba situasi tidak terjangkaunya masih mempunyai simpanan lain," tambah Sabariah.

Seorang pagi peserta, **Shamilah Anbalagan**, mengakui program tersebut sedikit sebanyak telah meningkatkan kemahirannya dalam menambah pendapatan keluarga.

"Paling penting kursus pemahaman kewangan di mana menerusinya kami dapat mengagihkan pendapatan untuk perniagaan dan perbelanjaan keluarga," katanya.